



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

PENYERAHAN PROJEK SIAP 2 DALAM 1 SK RANTAU PANJANG, PADAWAN DAN SK BAKONG, SRI AMAN

PADAWAN, SARAWAK – Hari ini saya bersama YB Menteri Pendidikan dan Pengurusan Tertinggi kedua-dua Kementerian telah menyaksikan Majlis Penyerahan dua (2) buah projek sekolah yang telah disiapkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia selaku Agensi Pelaksana kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Projek pertama yang diserahkan adalah Projek Pembinaan Gantian 6 Bilik Darjah dan lain-lain Kemudahan di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang, Padawan, Sarawak. Projek ini merupakan salah satu inisiatif strategik di bawah Program Pembangunan Luar Bandar Sarawak dalam Rolling Plan 3 (RP3), RMK11.

3. Projek SK Rantau Panjang ini bernilai RM20.99 juta, dilaksanakan oleh Pasukan Projek Khas 2 (PPK2), JKR Malaysia di mana ianya telah dimulakan pada 11 November 2022 menerusi kaedah “Reka dan Bina” dan berjaya disiapkan pada tahun ini.

4. Skop utama projek merangkumi pembinaan blok akademik 6 bilik darjah, blok pentadbiran (dengan kemudahan Surau, Kelas Pemulihan, Bilik Pendidikan Seni, Bilik Sains, Bilik RBT, Bilik Muzik & Bilik Komputer), tandas OKU, kantin, padang dan gelanggang permainan terbuka serta Pra-Sekolah. Projek ini turut mengadaptasi teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan.

5. Reka bentuk projek ini menggunakan pendekatan ESG – Environment, Social and Governance di mana bangunan yang dibina bukan sahaja memenuhi keperluan pendidikan tetapi juga bersifat mampan, berdaya tahan dan sesuai untuk semua termasuk orang kurang upaya. Perancangan ruang juga bersifat lebih terancang, selesa dan memiliki ciri-ciri ergonomik, mesra alam sekitar dengan pencahayaan semula jadi dan pengudaraan yang baik serta mudah diselenggara.

6. Projek kedua yang berjaya diserahkan pada hari ini adalah Projek Pembinaan Gantian Penuh 6 Bilik Darjah, Asrama (60 Pelajar), Rumah Guru, 1 Bilik Darjah Pra Sekolah Dan Lain-Lain Kemudahan Di Sekolah Kebangsaan Bakong, Sri Aman, Sarawak. Projek bernilai RM29.98 juta ini dibina secara Reka dan Bina, dan telah dimulakan pembinaannya pada Oktober 2022 dengan kos projek telah mendapat Sijil Perakuan Siap pada 26 Mei 2025 iaitu 9 hari lebih awal (**AHEAD of TIME**) dari tarikh siap semasa pada 4 Jun 2025.

7. Skop utama projek ini adalah pembinaan Blok Akademik (6 Bilik Darjah), Kantin, Gelanggang Permainan Terbuka, Pra Sekolah (1 Bilik Darjah), PPKI, Blok Asrama (60 Pelajar), Dewan Makan, Surau, Rumah Guru (2 Unit) dan lain – lain Kemudahan.

8. Pelaksanaan kedua-kedua projek ini membuktikan usaha berterusan Kerajaan MADANI bagi meningkatkan ekosistem pembelajaran dan pengajaran melalui pembinaan infrastruktur pendidikan yang moden, berkualiti dan kondusif yang menyokong kecemerlangan termasuk di luar bandar.

9. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan atas kepercayaan dan kerjasama yang diberikan, khususnya dalam penyeliaan di tapak hingga projek ini berjaya disiapkan. Pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) amat berguna sebagai panduan dalam pelaksanaan projek seumapama ini pada masa hadapan.

10. Saya meminta JKR Malaysia untuk terus memantau dan bekerjasama dengan pihak kontraktor dalam melunaskan skop tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

#Tamat#

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
2 OGOS 2025

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni